

1979

KUALA LUMPUR, 13 FEB. (BERNAMA)—SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA (MAS) HENDAKLAH MENGHAPUSKAN PEKERJA-PEKERJA YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DAN YANG TIDAK SETIA SEKIRANYA IA INGIN MENJADI SYARIKAT PENERBANGAN YANG MENGUNTUNGAN, DEMIKIAN DITEGASKAN OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA, TINDAKAN ITU JUGA AMAT PERLU JIKA NEGARA INI INGIN MEMPUNYAI PERKHIDMATAN UDARA YANG SESUAI.

SALAH SATU CARA BAGI MENCAPAI MATLAMAT ITU TIALAH DENGAN MEMECAT PEKERJA-PEKERJA BERKENAAN YANG MELANGGAR PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT KONTREK MEREKA, TAMBAH TIMBALAN PERDANA MENTERI KETIKA MEMBERI TAKLIMAT AKHBAR DI PEJABATNYA DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEMUNGKINAN MEMBUBARKAN MAS DAN MEMBUKAKAN SEBUAH SYARIKAT PENERBANGAN BARU DENGAN PARA PEKERJA DAN PIHAK PENGURUSAN BARU ANTARA BEBERAPA KEMUNGKINAN YANG AKAN DIKAJI UNTUK MENGATASI KRISIS YANG BERLAKU SEKARANG.

+SETIAP KEMUNGKINAN AKAN DITELITI SEBELUM KERAJAAN MEMBUAT KEPUTUSAN TENTANG TINDAKAN YANG BAKAL DIAMBIL,+  
UJAR BELIAU.

+KOTA MUNGKIN AKAN MENUTUPNYA DAN MINGKIN JUGA MEMBUKANYA SEMULA -- SEMUANYA BERGANTUNG SAMA ADA ORANGRAMAI MAHUKAN SEBUAH SYARIKAT PENERBANGAN KEBANGSAAN. JIKA ITU YANG DIKEHENDAKI, SYARIKAT BERKENAAN MESTILAH MEMPUNYAI KAKITANGAN YANG SETIA.+

---BERSAMBUNG 1835/AH

MAHATHIR-MAS 2 KUALA LUMPUR 全'全'全'

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN JIKA PERTIKAIAN ANTARA PIHAK PENGURUSAN MAS DAN KESATUAN PEKERJA-PEKERJA PENERBANGAN BERLANJUTAN, PEKERJA-PEKERJA BARU YANG SETIA DAN BERDEDIKASI MUNGKIN PERLU DIAMBIL.

BELIAU BERKATA KEPADA SETENGAH-SETENGAH PEKERJA MAS, IMEJ MAS YANG MANA BERGANTUNGNYA JUGA PEMBANGUNAN NEGARA TIDAK MEMPUNYAI +SEBARANG ERTI+ DAN MEREKA SEDANG MENGENAKAN TEKANAN KE ATAS PIHAK PENGURUSAN SUPAYA TUNDUK KEPADA TUNTUTAN MEREKA TANPA MEMPERHITUNGGAN KEROSAKAN YANG DIAKIBATKAN BERIKUTAN TINDAKAN MEREKA ITU.

MENGENAI TANGKAPAN KE ATAS 18 ORANG HARI INI BERHUBUNG DENGAN KERACAUAN SEKARANG, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PIHAK POLIS MEMPUNYAI SEBAB-SEBAB TENTENTU MELAKUKAN TINDAKAN TERSEBUT.

+SETENGAH-SETENGAH ORANG TELAH MELAKUKAN PERBUATAN YANG MEMBAHAYAKAN NYAWA ORANG LAIN DAN PERBUATAN INI ADALAH SERIUS,+  
TERANG BELIAU.

+TINDAKAN SEUMPAMA INI BUKAN SAHAJA MEROSAKKAN MAS -- KITA TIDAK BOLEH BERDIAM DIRI APABILA ADA ORANG-ORANG YANG CUBA MEN-SABOTAJ NEGARA.+

MENYENTUH TENTANG PERBUATAN MENGUSIK PESAWAT-PESAWAT MAS YANG MENYEBABKAN KERAJAAN MENGGANTUNGAN SEMUA PERKHIDMATAN MAS MULAI MALAM TADI, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA DUA BUAH KAPALTERBANG MAS DIPERCAYAI TELAH DIGANGGU DAN INI BERMAKNA KESELAMATAN LAIN-LAIN PESAWAT TIDAK BOLEH DIJAMIN SEHINGGA PEMERIKSAAN RAPI DIBUAT KE ATAS PESAWAT-PESAWAT TERSEBUT.

+KITA MEMPUNYAI SYAK WASANGKA YANG TEGAS D DAN INI PERLU DIBUKTIKAN,+ TAMBAH BELIAU. -- BERSAMBUNG 1850/SZ

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BUKANLAH MENJADI MASRAT KERAJAAN UNTUK BERSIKAP TIDAK ADIL KEPADA SESIAPA TETAPI SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG SEDANG MEMBANGUN, MALAYSIA TIDAK MAMPU BERLEMBU TENTANG BAGAIMANA NEGARA INI HARUS DITADBIRKAN.

IA JUGA TIDAK BERUPAYA MEMPUNYAI SIKAP YANG PERCAYA TENTANG PERLU NYA DILAKUKAN KEROSAKAN KEPADA LAIN-LAIN ORANG SEMATA-MATA UNTUK MENGUNTUNGGAN GOLONGAN TERTENTU, DAN GOLONGAN YANG DEMIKIAN HENDAKLAH MENYEDARI BAHAWA IA JUGA TIDAK BOLEH BERBUAT DEMIKIAN.

BELIAU BERKATA BILA MAS TERPAKSA MENGGANTUNGGAN PERKHIDMATANNYA TINDAKAN ITU BUKAN SAHAJA MENJEJASKAN PARA MAJIKAN KAPITALIS MALAHAN MEREKA YANG BERGANTUNG KEPADA PERKHIDMATANNYA SEPERTI AHLI PERNIAGAAN, MEREKA YANG TERPAKSA TERBANG DENGAN SEGERA UNTUK MELIHAT SAUDARA MARA YANG SAKIT TENAT DAN JUGA MEREKA YANG BERGANTUNG HIDUP DENGAN MEMBERI KHIDMAT KEPADA MAS.

+SEJAK MAS DITUBUHKAN, KITA TELAH MELIHAT TINDAKAN PERUSAHAAN YANG BERULANG-ULANG DALAM SYARIKAT TERSEBUT.

+URUSNIAGA MAS ADALAH SEDEMUKIAN RUPA DI MANA APABILA PARA PEKERJANYA MELANCARKAN TINDAKAN MOGOK, IA BUKAN SAHAJA MELIBATKAN PEKERJA-PEKERJANYA SENDIRI TETAPI JUGA PIHAK-PIHAK LAIN — PENUMPANG, PEMBEKAL DAN MEREKA YANG TERLIBAT SAMA ADA SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK DENGAN MAS — DAN BIASANYA KITA TUNDUK KEPADA TUNTUTAN MEREKA KERANA TIDAK MAHU MELIHAT ORANG LAIN MENDERITA, + TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR. — BERSAMBUNG 1900/SZ

MAHATHIR-MAS 4 KUALA LUMPUR

SETIAP KALI ANCAMAN DIBUAT DENGAN MEMULAKAN KERJA LEBIH MASA, DIKUTI DENGAN KERJA MENGIKUT PERATURAN YANG SEBENARNYA ADALAH SATU TINDAKAN PERUSAHAAN DAN MERUPAKAN MOGOK JIKA DIUMUMK, TETAPI OLEH KERANA IA TIDAK DIUMUMKAN, IA TIDAK MUDAH DIKESAN DAN MENGECEM MEREKA YANG TERLIBAT.

TINDAKAN INI BERLAKU SETIAP KALI BERLAKU KELAMBATAN MENCAPAI PENYELESAIAN SEMASA RUNDINGAN ANTARA PIHAK PENGURUSAN DAN KESATUAN, DAN KESANNYA IALAH UNTUK MEROSAKKAN IMEJ MAS SEMASA IA SEDANG CUBA BERSAINGAN DENGAN LAIN-LAIN SYARIKAT PENERBANGAN YANG LEBIH BESAR DI RANTAU ASEAN SENDIRI.

SEMASA SETIAP RUNDINGAN DIADAKAN BAGI PENYEMAKAN GAJI SETIAP TIGA TAHUN SEKALI. PIHAK KESATUAN MENGGUNAKAN TEKANAN YANG BIASANYA MENINGKAT DAN APABILA PIHAK PENGURUSAN MAS ENGGAN TUNDUK KEPADA TUNTUTAN MEREKA KALI INI, PIHAK KESATUAN TERUS MELANCARKAN KERJA MENGIKUT PERATURAN DAN KERANA TINDAKAN ITU ADALAH HARAM, PENDAFTAR KESATUAN SEKERJA TELAH MENGGANTUNGGAN KESATUAN BERKENAAN.

+PIHAK KESATUAN MALAH ENGGAN MENEMUI KITA DAN APABILA KITA MEMBUAT SESUATU KEPUTUSAN, MEREKA MENGAMBIL KEPUTUSAN LAIN PULA. SETIAP TINDAKAN YANG KITA BUAT ADALAH SALAH MENGIKUT PERKIRAAN MEREKA. +

KATANYA, MAS TELAH MEMBUAT BERBAGAI USAHA UNTUK MENYELESAIKAN PERTIKAHAN ITU TETAPI PIHAK KESATUAN BUKAN SAHAJA TIDAK MEMBUAT TAWARAN BALAS KEPADA PIHAK KESATUAN MALAH TELAH MEMBURUK- BURUKKAN TAWARAN PIHAK PENGURUSAN BAGI MENAIKKAN EMOSI PARA PEKERJA. — BERSAMBUNG 1925/SZ

MALAYSIA 5 KUALA LUMPUR

KATANYA, TAWARAN MAS BAGI KENAIKAN GAJI SEBANYAK 8 PER TUS ITU SEBENARNYA ADALAH SATU KENAIKAN YANG BESAR DAN BAGI KEMEREA GRED RENDAH PULA, KENAIKAN YANG DICADANGKAN TILAH 16 PERATUS TAITU LEBIH TINGGI DARI YANG DIBERIKAN OLEH KERAJAAN KEPADA KAKITANGANNYA SEMASA SEMAKAN SEMULA GAJI BARU-BARU INI.

TAWARAN ITU BERMAKNA SESEORANG PEKERJA MAS YANG TIDAK MAHIR DENGAN HANYA KELULUSAN LCE AKAN MENERIMA GAJI BERSIM KIRA-KIRA \$300 SEBULAN.

KAKITANGAN KABIN JUGA MENIKMATI BERBAGAI KEMUDAHAN SEPERTI HARI CUTI BERGAJI PENUH DI SEBERANG LAUT, ELAUN MAKAN DAN SYARAT-SYARAT BEKERJA YANG SAMA DENGAN LAIN-LAIN SYARIKAT PENERBANGAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGKECAM CAMPUTANGAN ASING DALAM PERTIKAIAN ITU.

+SEJAK MERDEKA SALAH SATU PRINSIP POKOK KITA TILAH KUASA-KUASA LUAR TIDAK HARUS CAMPUTANGAN DALAM HAL EHWAL DALAM NEGERI KITA +BAGAIMANAPU, HAKIKAT INI TIDAK DISEDARI OLEH SETENGAH-SETENGAH PEMIMPIN KESATUAN KITA DAN MEREKA BERPENDAPAT BILA MEREKA MEMPUNYAI MASALAH, MEREKA BOLEH MENGGUNAKAN KESATUAN SEKERJA LUAR NEGERI BAGI MENYOKONG MEREKA.

+SETENGAH-SETENGAH KESATUAN INI JUGA TELAH MENGARAHKAN KITA SUPAYA BERBUAT ITU DAN INI DAN SAYA MERASA MALU YANG PEMIMPIN-PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA KITA TELAH MENGGUNAKAN TEKTIK BEGINI, UJAR BELIAU. — BERSAMBUNG 1930/SZ

227

MAHATHIR-MAS 6 KUALA LUMPUR

KATANYA, KESATUAN-KESATUAN ASING +TIDAK MEMPUNYAI SEBARANG PERASAAN SAYANG KEPADA KITA+ DAN INI TERBUKTI DENGAN TINDAKAN PARA PEKERJA TEKSTAIL DI AMERIKA SYARIKAT YANG BERJUANG BAGI MENDAPATKAN UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN WALAUPUN +PARA PEKERJA KITA AKAN TERJEJAS.+

BELIAU BERKATA KERAJAAN MENYEDARI BAHAWA BEBERAPA BEKAS PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA MALAYSIA YANG TERTENTU SEDANG BERUSAHA MENDAPATKAN ORANG-ORANG LAIN DARI LUAR NEGERI UNTUK MEROSAKKAN MAS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA APA YANG BERLAKU SEKARANG BUKAN SAHAJA PERLU DIBERI PERHATIAN OLEH KERAJAAN MALAH JUGA ORALH PIHAK AKHBAR DAN ORANGRAMAI.

MENGENAI LANGKAH SELANJUTNYA YANG AKAN DIAMBIL BERIKUTAN PENGANTUNGAN SEMUA PERKHIDMATAN MAS, TIMBALAN PERDANA MENTERI MENYATAKAN INI BUKAN BERMAKNA MAS TELAH DITUTUP.

PESAWAT-PESAWAT MAS, TEGASNYA, AKAN DIBENARKAN TERBANG SEMULA HANYA SETELAH IA DISAKKAN BOLEH DIGUNAKAN DAN SAMA ADA KESEMUANYA ATAU SEPARUH DARIPADANYA AKAN TERBANG SEMULA AKAN BERGANTUNG PADA NASIHAT YANG DIBERIKAN KELAK.

MENGENAI MASA DEPAN MAS, BELIAU BERKATA MASA DEPAN SYARIKAT PENERBANGAN KEBANGSAAN ITU ADALAH +MAPAL+ SEKIRANYA PARA PEKERJANYA TERUS BERSIKAP TIDAK BERTANGGUNGJAWAB.

— BERSANBUG 1935/S7

**MAHATHIR-MAS 7 KUALA LUMPUR**

+JADI, SEKIRANYA MAS INGIN TERUS HIDUP, IA MESTILAH MEMPUNYAI PEKERJA-PEKERJA YANG SETIA DAN BERDEDIKASI DAN YANG MEMERIKAN PERKHIDMATAN 100 PERATUS, + KATANYA LAGI.

DITANYA KEMUNGKINAN PERTIKAIAN ITU DISELESAIKAN SECARA TIMBANGTARA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK NAMPAK BAGAIMANA INI BOLEH DILAKUKAN DALAM KEADAAN DI MANA UNDANG-UNDANG TELAH DICABULI MELALUI TINDAKAN KERJA MENGIKUT PERATURAN, MELANGGAI KONTREK BEKERJA, MELANGGAR DISIPLIN DAN MENGUSIK KAPALTERBANG.

MENTERI BURUH DAN TENAGA RAKYAT, DATUK RICHARD HO DAN MENTERI PENGANGKUTAN TAN SRI V. MANICKAVASAGAM YANG TURUT HADIR DI MAJLIS ITU MENERANGKAN BAGAIMANA MEREKA DAN PARA ANGGOTA LEMBAGA MAS TELAH MEMBUAT BERBAGAI USAHA UNTUK MEMUJUK PEMIMPIN KESATUAN BERUNDING BAGI MENYELESAIKAN MASALAH TERSEBUT.

BAGAIMANAPUN, PARA PEMIMPIN KESATUAN TIDAK LANGSUNG MAHU BERUNDING DENGAN SESIAPA DAN SEBALIKNYA MENYEMBUNYIKAN DIRI.

SAMBIL MENERANGKAN SEBAB-SEBAB PENDAFTAR KESATUAN SEKERJA MEMBATALKAN PENDAFTARAN 874 ORANG AHLI KESATUAN, DATUK HO BERKATA TINDAKAN ITU AMAT PERLU DEMI KEPENTINGAN KESELURUHAN KEAMANAN PERUSAHAAN DI NEGARA INI.

MENJAWAB SATU PERTANYAAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK YAKIN PENUBUHAN SEBUAH LAGI SYARIKAT PENERBANGAN SUPAYA MAS TIDAK MEMPUNYAI MONOPOLI DI NEGARA INI AKAN MERUPAKAN SATU SOLUSI YANG BAIK.

DITANYA SAMA ADA SYARIKAT-SYARIKAT PENERBANGAN ASING AKAN DIBERI LEBIH BANYAK HAK MENDARAT MEMANDANGKAN PENGGANTUNGAN PERKHIDMATAN MAS, BELIAU BERKATA +KITA MESTILAH MELINDUNGI HAK MENDARAT KIT.+

— BERNAMA 2000/SZ